# 'KITA AKAN GANYANG'

... - 8 JAN 1984

**KUALA LUMPUR 7 Jan. – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini menegaskan di depan berpuluh-puluh ribu penduduk Wilayah Persekutuan bahawa barang siapa yang mahu menjatuhkan kerajaan dengan tidak mengikuti undang-undang akan diganyang.**

Oleh Douglas Tay dan Abdul Razak Rashid

Menurut Pcrdana Mcntcri, kcrajaan dibcntuk oleh rakyat dan dcngan itu jika rakyat tidak mahu lagi kcrajaan itu, mereka boleh "menurunkannya," mengikut undang-undang.

"Tetapi barang siapa yang mahu menjatuhkan kerajaan dengan tidak mengikuti undang-undang negara ini, kita akan ganyang," tegasnya dcngan disambut oleh tepukan gcmuruh daripada para hadirin di pcrhimpunan di Stadium Jalan Raja Muda di Kampung Baharu di sini sempena lawatan rasminya kc Wilayah Pcrsckutuan.

Perhimpunan petang ini adalah kemuncak siri lawatan Pcrdana Mcntcri kc merata ncgeri yang bcrtujuan memberi pcncrangan kcpada rakyat mcngcnai isu pindaan perlembagaan yang selesai pada 15 Disember tahun lalu.

Turut hadir dalam pcrhimpunan anjuran pcnduduk Wilayah Pcrsekutuan ialah isteri Perdana Mcnteri, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, Menteri-Mcntcri Besar, wakil-wakil rakyat dan juga pemimpin-pemimpin berbagai pertubuhan dan dcwan perniagaan.

Mendengar penerangan daripada Dutuk Sri Dr. Mahathir di bawah pancaran terik matahari ialah berpuluh-puluh ribu penduduk di Wilayah yang terdiri dari berbagai kaum dan segenap lapisan.

Sebelum beliau memulakan ucapan hampir setengah jam itu, Datuk Sri Dr. Mahathir telah dibcri tcpukan gemuruh dan kcdcngaran juga ialah tcriakan "Hidup Mahathir" beberapa kali. Pcrdana Mcntcri membalas sokongan itu dengan melambai-lambaikan tangan.

Dalam ucapannya, beliau telah mengulangi penerangannya mengenai tujuan-tujuan beberapa perkara dalam Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dan menafikan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan bcrkaitan dengan isu itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa scbenarnya masalah (pindaan perlembagaan) itu bukanlah masalah yang bcsar "tetapi telah dibesar-besarkan oleh golongan tcrtentu untuk kepentingan diri mereka."

Mcnurutnya, beberapa pindaan perlembagaan tcrpaksa dibuat untuk mcnjelaskan perkara-perkara yang kabur dan yang boleh menimbulkan bcrbagai tafsiran.

## kuasa Parlimen

"Kekeliruan yang timbul daripada pcrkara-perkara dalam perlembagaan itu telah mcngakibatkan bebcrapa peristiwa yang tidak diingini dan pcnyalahgunaqn kuasa. Peristiwa - peristiwa hanya berlaku di peringkat negeri-negcri.

"Kalaulah ia berlaku di peringkat kebangsaan, kcadaan sudah tentu akan menjadi lebih kacau lagi," tambahnya.

Oleh kerana mahu mengeiakkan peristiwa - pcristiwa itu daripada bcrulang. Perdana Mentcri menjelaskan, kcrajaan memperkenalkan beberapa pindaan perlembagaan yang terkandung dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, scjak merdeka lagi negara ini telah memilih dan mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

"Tetapi telah timbul keadaan di mana sistem yang diamalkan bukannyn demokrasi berparlimen. Parlimen scolah-olah tidak berkuasa, sedangkan kita tahu bahawa anggota-anggota Parlimen terdiri daripada wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat.

"Mereka dipilih dan bukan dilantik berdasarkan ketuiunan. mereka," tegasnya. Ini disambut dengan tepukan dan pekikan gemuruh lagi.

Beliau juga menyatakan bahawa pindaan perlembagaan itu bukanlah untuk menjadikannya diktator.

"Kalau saya suruh anak saya menjadi Perdana Menteri selepas saya dan kemudian cucu saya menjadi Perdana Menteri, maka sistem Malaysia menjadi bangsa ini bukanlah untuk kepentingan rakyat," tambahnya.

Katanya, Perdana Menteri, menteri, timbalan menteri, Menteri Besar atau wakil rakyat datangnya dari rakyat dan akan pulang kepada rakyat.

"Kerana bcrkehendakkan cara itu kita memilih sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan supaya kuasa dilctakkan pada rakyat yang bertindak menerusi sistem pengundian," katanya.

Mengenai raja bcrperlembagaan, beliau menjelaskan sistem itu telah dipilih kerana mahu raja-raja bertindak dengan mematuhi perlembagaan 'dan untuk kepentingan rakyat.

Beliau juga menjelaskan bahawa negara ini telah diperintah menurut lunas-lunas perlembagaan dan tidak ada siapa yang boleh mcnafikan ini.

Berhubung dengan pindaan baru terhadap perlembagaan yang akan dibawa ke sidang khas Parlimen Isnin ini, Perdana Mcntcri bcrkata kerajaan tidak tamak kuasa.

"Kita tidak mahu merebut kuasa yang menjadi hak orang lain. Kita ikut pendapat raja-raja. Pindaan baru yang akan saya bentangkan di Parlimen minggu depan menunjukkan bahawa kerajaan 'tidak [redacted] pat [redacted] kerajaan [redacted] tctani [redacted]

memperlahankan prinsip "rakyat mcncntukan nasib rakyat".

Kepada rakyat pula, beliau menyeru supaya bersama berusaha dalam semua lapangan dan jangan khuatir untuk mcmbuat scdikit pengorbanan dalam proses itu.

Katanya, akhirnya rakyat akan mcnerima facdah dari pcngorbanan itu.

Beliau juga menegaskan bahawa bcliau mahu bangsa ini, tidak ada orang lain yang boleh memperkecilkan bangsa kita atau menghina kita, tcgasnya lagi sambil disambut oleh tepukan.

Perdana Mcnteri kemudian menyertai pcrarakan dari Stadium Jalan Raja Muda itu kc Dcwan Serbaguna Kampung Baharu dan merasmikan dewan itu.

Beliau juga mengumumkan bahawa kcrajaan memperuntukkan $3 juta untuk pembangunan Kampung Baharu bagi tahun 1984.

Terdahulu dari itu, Naib Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba dalam ucapannya menegaskan bahawa siapa yang boleh mcnafikan musuh yang mahu menekcbcnaran ini. mewaskan ncgara ini hendaklah melangkah mayat rakyat Malaysia dahulu kerana rabang yang akan sama-sama tumbang dcngan ncgara mereka.